

28/07/2000

15 pancaragam sekolah berentap di Dataran Merdeka

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebanyak 15 pasukan pancaragam yang menjadi johan peringkat negeri masing-masing akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Akhir Pancaragam Sekolah-sekolah 2000 di Dataran Merdeka, di sini, 30 Julai ini.

Pertandingan yang dianjurkan bersama Kementerian Pendidikan dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) juga akan disiarkan secara langsung oleh TV3 pada hari berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan pertandingan itu.

Pengurus Besar Kanan, Penerbitan dan Komunikasi Korporat TV3, Khalil Mohd Zain, berkata siaran secara langsung di saluran berkenaan sebagai sokongan kepada Kementerian Pendidikan yang menekankan kegiatan berfaedah pelajar seperti kegiatan pancaragam.

"Penajaan ini diharap dapat membantu kementerian dalam usaha melahirkan pelajar berwibawa," katanya di Sri Pentas, di sini, hari ini.

Khalil berkata, siaran secara langsung juga bertujuan memenuhi keperluan rancangan untuk remaja yang bersifat hiburan terarah dan bermatlamat, selaras konsep TV3.

(END)